

TIDAK JAWAB
Chedet.cc
23 November 2017
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Pakatan Harapan (PH) tahu awal-awal lagi jika permintaan dibuat untuk berjumpa dengan Menteri Dalam Negeri, maka permintaan itu tidak akan dijawab, sama seperti surat dari PH untuk mengetahui apa sudah jadi kepada permohonan kelulusan bagi perlembagaan PH dan logo/symbolnya.
2. Ini adalah strategi Kerajaan Najib apabila berhadapan dengan tuntutan hak parti lawan yang ditakuti olehnya, jangan tolak dan jangan lulus. Diam sahaja.
3. Tidak menjawab boleh ditafsir dengan bermacam tafsiran yang tidak mendedahkan Najib kepada dakwaan menyalahguna kuasa dengan tidak melulus.
4. Tidak menjawab mungkin disebabkan tidak menerima, atau terima tetapi tidak menolak, atau tidak dapat memutus untuk menolak atau melulus kerana sebab-sebab tertentu, atau sedang dipertimbang.
5. Jika PH seperti biasa menghantar surat bertanya tentang kedudukan permohonan, sekali lagi jangan jawab.
6. Dengan cara ini berbulan-bulan berlalu tanpa PH mengetahui lulus atau tidak perlembagaannya dan simbol. Persiapan untuk PRU tidak boleh dibuat oleh PH. Persiapan mengambil masa yang panjang, sekurang-kurangnya tiga bulan. Selain dari membuat sepanduk dan bendera dengan logo/symbol yang diluluskan, penentuan kerusi dan calon juga mengambil masa. Simbol yang diguna di kertas undi amat penting. Pengundi perlu kenal simbol ini semasa mengundi. Jika tidak dikenali sekian lama sukar bagi pengundi mengundi PH. Mungkin simbol lain yang akan dipangkah.
7. Oleh itu melambatkan kelulusan perlembagaan PH dan symbolnya adalah cara menyalahguna kuasa Kerajaan untuk BN memenangi Pilihan Raya.
8. Selepas lima bulan berlalu tanpa jawapan dari Kerajaan, PH membuat keputusan untuk jumpa Menteri Dalam Negeri. Jika permohonan dibuat untuk maksud ini sudah tentu jawapan tidak akan diberi. Berbulan lagi akan berlalu dan semakin dekatlah Pilihan Raya, semakin pendeklah masa untuk PH membuat persiapan.
9. Oleh itu PH memutus untuk tidak meminta atau memberitahu tarikh rombongan PH akan berjumpa Menteri. Kesempatan untuk Menteri menghilangkan diri tidak dapat dilakukan.
10. Tetapi Kementerian dapat maklumat tentang perancangan PH. Maka hilanglah Menteri.
11. Inilah yang berlaku pada Isnin, 20 November.
12. Sekarang diketahui bahawa ada masalah dengan DAP dan PPBM. Tetapi maklumat diberi secara lisan. Tidak ada surat rasmi. Tanpa jawapan rasmi pembetulan tidak dapat dibuat. Maka terpaksa tunggu lagi.
13. Masa berlalu. Pilihan raya semakin dekat. Tanpa kelulusan rasmi persiapan tidak dapat dibuat. Tunggalah. Kerajaan tidak tolak. Tidak bermakna Kerajaan tidak lulus. Hanya tidak jawab.

4 thoughts on "TIDAK JAWAB"

1.

2. [Log in to Reply musato](#) Nov 24, 2017 12:25 AM

Assalamualaikum Tun.

Macamlah BN boleh menang dengan main taktik lambat lambat macam ni.

Dulu Pakatan Rakyat pun tak ada logo bersama pun dah kira gagah jugak.

Begitulah bijak pandai orang bawahan Najib.

Terima kasih Tun.

3.

4. [Log in to Reply rimba.emas](#) Nov 24, 2017 12:12 AM

Salam Tun.

1. Apa..??? tidak jawab. Hairan bin ajaib. Awat ada beribu-ribu permohonan ka..?? adakah ini di katakan masalah birokrasi.

2. Ross ini macam pejabat tanahkah macam urusan tanah faraid makan berbulan-bulan malah bila ada masalah akan bertambah tambahlah jalan penyelesaian.

3. Kata sekarang setiap Jabatan ada KPI sebagai tanda urus kecekapan menyelesaikan masalah. Sepatutnya pemberi servis yang di bayar harus menjalankan urus niaga pelanggannya tanpa prijudis.

4. Kita di bayar maksudnya mendapat upah dan pelanggan kita orang yang memberi wang iaitu masuk ke gaji kita. Pelanggan sanggup bayar upah pada majikan kita dan kita yang bekerja dalam Jabatan tersebut.

5. Kalau kita sengaja gagalkan pelanggan kita bermakna kita telah makan duit haram kerana menolak kehendak pelanggan kita.

6. Duit pelanggan kita ambil sebaliknya kita tidak membantunya untuk lulus sebaliknya membiar pelanggan kita rugi kos awal kerana terpaksa mengulanginya semula.

7. Rugi kos terhadap masa yang terbuang atas belanja harian yang terpaksa di tanggung.

8. Rakyat akhirnya tahu bahawa ada agensi yang bekerja untuk kerajaan dengan merugikan rakyat awam.

9. Lulus adalah satu kejayaan terhadap daya usaha manusia yang sanggup berkorban wang ringgit, tenaga dan masa.

Wallahua'lam.

5.

6. [Log in to Reply Mat.Tandang](#) [Nov 23,2017 9:45 PM](#)

Cara kerajaan najib melayan Tun sebegini membuatkan rasa semakin bencikan umnobnpas ni, Kerajaan umnobnpas sudah lama kami buang jauh jauh, Undi kami hanya untuk PAKATAN, Sekali lagi kami yakin Tun, undi kami untuk PAKATAN...

7.

8. [Log in to Reply Hang Jebat Derhaka](#) [Nov 23,2017 5:41 PM](#)

Assalamualaikum.

Pembangkang adalah salah satu komponen yang penting didalam sesebuah sistem demokrasi. Pembangkang diwujudkan dalam sistem demokrasi untuk mengimbangi pemerintahan kerajaan dan memastikan kepentingan rakyat dan negara sentiasa diutamakan dalam Parlimen. Sebuah kerajaan yang tidak mempunyai pembangkang akan membuatkan parti pemerintah bertindak sesuka hati dan menjadi diktator.

Jikalau pembangkang dimansuhkan, kerajaan yang baik terhadap rakyatnya akan perlahan-lahan mulai menindas. Ini adalah kerana tiada wakil yang boleh bersuara untuk membantah. Cukai akan dinaikkan sehingga membebankan, kebajikan rakyat mulai terabai, pentadbiran akan menjadi bertambah korup dan perkhidmatan kerajaan akan menjadi lebih teruk.

Pemansuhan pembangkang bukanlah bererti tiada langsung parti pembangkang. Pemansuhan pembangkang dilakukan dengan melumpuhkan keupayaannya secara halus dan sistematik. Inilah yang sedang dilakukan oleh BN secara terang-terangan.

Pemerintah yang jujur tidak seharusnya terlalu takut dengan pembangkang. Ini adalah kerana keduanya berkhidmat secara sepuh hati demi kemaslahatan rakyat dan negara.

Saya harap supaya dwi-party system seperti yang diamalkan dinegara maju dapat diamalkan disini.

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2699>